

Cabaran kembalikan reputasi IPTA

Suasana kondusif antara kepemimpinan, perubahan sesuai perlu dalam universiti

BH 14/4/08 m/s 8

Oleh Syuhada Choo Abdullah

BELUMPUN sebulan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengangkat sumpah sebagai Menteri Pengajian Tinggi dalam barisan Kabinet baru, beliau tidak mengambil masa begitu lama untuk terus memacu kesinambungan pelaksanaan agenda Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang dilancarkan tahun lalu.

Beliau sedia maklum tugas berat dan cabaran besar menggerakkan jentera kemajuan bidang pengajian tinggi negara ke arah mencapai standard dunia menuntut sepenuh perhatian dan komitmen tinggi, apa lagi dalam senario tiada sebuah pun institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara berjaya menduduki 200 tangga teratas senarai universiti terbaik sedunia ketika ini.

Justeru, Mohamed Khaled tidak mahu berleghah untuk menelaah, menyelami, memahami malah menghayati pelan strategik demi memastikan segala usaha dan pertimbangan sentiasa pada landasan tepat, kukuh serta pantas agar bidang pengajian tinggi negara tidak ketinggalan dalam kesepatan perubahan dan juga persaingan global.

Selain itu, beliau juga sudah diberi taklimat, mengenali staf kementerian dan organisasi, menemui pihak berkaitan dari IPTA dan IPTS, di samping melihat semua agensi lain berhubung kait dengan bidang pengajian tinggi seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

"Dua minggu pertama memang sungguh bermakna dan amat informatif bagi menyediakan saya melangkah untuk memba-



“Penarafan bukanlah suatu yang boleh berlaku dalam tempoh satu hari. Sekiranya dilihat pada pelan strategik, ada beberapa perkara di universiti yang perlu diperbaiki...”

Mohamed Khaled Nordin
Menteri Pengajian Tinggi

buah IPTA terbabit seperti dari segi jumlah peruntukan diberi, tetapi menegaskan tujuan lebih utama kad laporan itu ialah untuk memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti.

Mohamed Khaled menekankan, pelan strategik berkenaan memainkan peranan secara langsung dan juga amat mustahak bagi membantu mengangkat kedudukan IPT negara dalam persaingan penarafan sebagai universiti terbaik sedunia, sekali gus merealisasikan hasrat negara menjadi hab kecemerlangan pendidikan.

"Penarafan bukanlah suatu yang boleh berlaku dalam tempoh satu hari. Sekiranya dilihat pada pelan strategik, ada beberapa perkara di universiti yang perlu diperbaiki untuk melahirkan universiti cemerlang dengan pelajar berkualiti yang akan menyumbang kepada peningkatan kedudukan kita dalam penarafan.

"Perkara itu termasuk tadbir urus, kepemimpinan, akademik, penyelidikan dan pembangunan serta pelbagai aspek berkaitan pengajaran dan pembelajaran di universiti," katanya.

Apapun, beliau menegaskan, adalah tidak wajar melohtarkan tanggapan negatif terhadap IPTA ekoran kemerosotan kedudukan mereka dalam penarafan senarai universiti terbaik sedunia Times Higher Education Supplement (THES) tahun lalu.

"Saya mendapati tenaga pengajar di universiti kita, malah di Universiti Malaya, sebenarnya terdiri daripada golongan bersemangat serta berkomitmen tinggi untuk mengajar dan sudah melakukan yang sebaik mungkin.

"Namun mungkin atas sebab tertentu, kedudukan (penarafan) itu jatuh. Tambahan pula, ada 20,000 universiti di seluruh

lam kembara menuju ke destinasi menjadi hab kecemerlangan pendidikan disegani.

"Buat masa ini, peranan universiti kita lebih kepada soal melahirkan modal insan negara. Berasaskan pencapaian 'track record' dan kejayaan kita, kita tidak nampak mengapa ia tidak boleh menjadi suatu yang membawa kebaikan kepada negara, menjadikan pendidikan sebagai satu industri.

"Kita bergerak ke arah menjadi hab kecemerlangan pendidikan berkualiti dan saya fikir kita amat yakin mengenai itu kerana dengan pelan strategik yang ada, kita boleh meningkatkan kedudukan universiti kita, sekali gus menjadi tarikan kepada negara lain.

"Saya percaya dalam masa beberapa tahun ini, Malaysia bakal menonjol dari segi penyediaan pendidikan untuk rakyat asing dan mereka akan datang ke negara kita. Selain itu, usaha seperti program promosi juga dilakukan, tetapi yang terbaik untuk menarik kemasukan pelajar dari luar negara ialah dengan melahirkan universiti ternama di dunia," katanya.

Mengenai cadangan pihak tertentu supaya kerusi pengurusan tertinggi sesetengah IPTA 'ditawarkan' kepada pihak berkepakaran dari luar negara bagi membantu memacu kecemerlangan pula, Mohamed Khaled bagaimanapun berkata:

"Kita ada ramai tokoh berkelayakan di dalam negara. Tidak semestinya orang asing menjadi naib cancelor, sebaliknya mereka boleh menjadi pensyarah atau profesor jika mahu membantu. "Seboleh-bolehnya jika rakyat Malaysia layak, kita beri kepada mereka kerana kita yakin terhadap kemampuan rakyat kita yang memahami aspirasi negara.

Mengenai pindaan Akta Universiti dan

wa kementerian ini ke hadapan. Aspek paling penting dijangkakan daripada saya ialah fokus terhadap agenda dan usaha mempertingkatkan standard pengajian tinggi negara yang bukan hanya dari segi kualiti institusinya, tetapi juga graduan dihasilkan.

"Dalam konteks ini, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang meliputi teras dan strategi amat luas harus diteliti serta diberi perhatian serius demi mencapai objektif menjana IPT dan juga graduan berkualiti tinggi," katanya dalam pertemuan di pejabatnya di Putrajaya, baru-baru ini.

Mohamed Khaled mengakui cabaran terbesar kini adalah memastikan kesedaran, pemahaman, penerimaan serta penghormatan universiti terhadap pelan strategik itu, terutama keinginan mereka yang tinggi untuk sama-sama menjayakan pelaksanaannya.

"Saya percaya kita mempunyai matlamat

sama. Saya percaya universiti memang mahu untuk cemerlang dan dapat melahirkan pelajar berkualiti serta memiliki minda kelas pertama.

"Perkara pokok di sini ialah mewujudkan suasana kondusif dengan kepemimpinan, lembaga pengarah serta tenaga pengajar universiti memahami dan membuat perubahan sesuai untuk menjayakan hasrat dan juga matlamat berkenaan," katanya.

Selaras penekanan terhadap kepentingan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, beliau berkata, kementerian sedang membuat penilaian dan akan mengeluarkan kad laporan mengenai tahap pelaksanaan serta pencapaian matlamat setiap IPTA dalam menjayakan agenda terbabit, dalam tempoh satu atau dua bulan lagi.

Beliau menjelaskan tiada keputusan ditetapkan setakat ini mengenai sama ada hasil pencapaian itu nanti akan mempengaruhi sebarang tindakan terhadap sese-

lian pula, ada 30,000 universiti di seluruh dunia sekarang dan kita masih berada dalam kedudukan 300 terbaik.

"Begitupun, kita tidak akan berpuas hati dengan apa juga kedudukan sekarang dan akan berusaha memperbaiki menerusi pelan strategik," katanya.

Mohamed Khaled turut menggariskan usaha menambah baik IPTA dalam tiga kelemahan utama yang dikenal pasti, iaitu mempertingkatkan jumlah penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi; menjalin hubungan atau kerjasama dengan lebih banyak institusi antarabangsa; meningkatkan pencapaian universiti, termasuk dari segi penyelidikan dan pembangunan serta mempertingkatkan kadar nisbah antara pelajar dan pensyarah ke arah pengajaran dan pembelajaran lebih berkualiti.

Namun, timbul persoalan sejauh mana penilaian ataupun pandangan dunia terhadap pencapaian Malaysia setakat ini da-

Mengenai pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 pula, Mohamed Khaled menasarkankan pembentangan-nya di Parlimen menjelang akhir tahun ini.

Dalam proses kini, beliau menjelaskan semua peruntukan dalam AUKU tidak akan terlepas untuk dikaji, diberi perhatian dan diambil kira ke arah melahirkan suasana kondusif di universiti.

"Ini membabitkan perkara besar seperti soal autonomi yang memerlukan akauntabiliti. AUKU dipinda bagi memasukkan peruntukan yang memenuhi keperluan senario semasa," katanya.

Mengenai cadangan supaya pindaan AUKU turut membenarkan pelajar universiti bergiat aktif dalam politik di luar kampus, beliau berkata, ia perlu difikirkan semasak-masaknya sama ada pembabitan itu akan membawa kepada kecemerlangan akademik mereka.